

**STRICTLY EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

**UCAPAN PRESIDEN HALIMAH YACOB DI MAJLIS PELANCARAN  
BULAN BAHASA 2019, SABTU, 7 SEPTEMBER 2019, 3.00PTG DI  
MUZIUM TAMADUN ASIA**

---

Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim  
Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura

Puan Rahayu Mahzam  
Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa 2019

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Selamat petang.

1. *Salam sejahtera kepada semua,  
Saya ucapkan membuka bicara;  
Izinkan saya bersepatah dua,  
Semoga majlis indah ceria.*
2. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Sriwana, Sanggar Seni Muda dan Permaisuara di atas persembahan mereka yang sangat menarik.
3. Saya berbesar hati dapat bersama anda di Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2019 ini. Acara tahunan ini memang dinanti-nantikan oleh masyarakat kita, dan tahun ini adalah tahun istimewa sempena kita memperingati Bicentennial Singapura.
4. Singapura, yang pernah dikenali sebagai Temasek, sudah pun menjadi sebuah pelabuhan yang sibuk sejak 700 tahun yang lalu, dalam abad ke-13. Kedudukan geografi Singapura yang strategik di Nusantara membantu Singapura berkembang sebagai sebuah pusat perdagangan yang maju dalam zaman British.
5. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan di rantau ini sejak abad ketujuh lagi dan telah digunakan oleh nenek-moyang kita. Ia berkembang daripada bahasa Melayu Kuno kepada bahasa Melayu Klasik, dan kini, bahasa Melayu Moden.

**STRICTLY EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa persaudaraan, perdagangan, diplomasi politik, agama, perkembangan intelektual dan persuratan di rantau ini.

6. Sepanjang sejarah dan perkembangan rantau ini, bahasa Melayu kekal dinamik dan terus diperkayakan dek pengaruh kedua-dua bahasa-bahasa di Nusantara, seperti bahasa Jawa dan Bugis, dan bahasa-bahasa dari negeri-negeri lain, seperti bahasa Tamil, Mandarin, Parsi, Arab, dan bahasa-bahasa Eropah. Bahasa yang menyerapkan pelbagai pengaruh bahasa lain mempunyai keupayaan untuk terus berkembang dan bertahan. Asimilasi berterusan juga berlaku pada tulisan bahasa Melayu, yang berkembang daripada tulisan Pallava kepada tulisan Arab, dan kini, tulisan Rumi.
7. Hadirin sekalian, bahasa tidak mungkin dinamik jika penggunanya tidak dinamik. Bertahun-tahun lamanya, bahasa Melayu kekal relevan dan masih digunakan kerana para pengguna bahasa sentiasa inovatif dan sedia menerima pelbagai kosa kata dan ungkapan-ungkapan daripada pelbagai bahasa, konteks dan budaya.
8. Kini, kita mewarisi satu bahasa yang dinamik, berdaya tahan dan indah yang mekar dalam masyarakat Singapura yang majmuk dan moden sebagai bahasa kebangsaan kita. Apabila kita bertutur atau menggunakan bahasa Melayu, kita dapat memahami sejarah, identiti kita dan semangat kekitaan terhadap masyarakat kita. Menerusi bahasa Melayu, kita mengukuhkan lagi modal sosial dan berupaya menjalin hubungan yang lebih erat serta meluaskan rangkaian kita dengan masyarakat-masyarakat lain di rantau ini. Apabila kita terus berbahasa Melayu, ia dapat membentuk keadaan semasa dan kehidupan kita. Saya amat menghargai hubungan mesra yang terjalin dengan masyarakat apabila saya menggunakan bahasa yang sama dengan mereka.
9. Hari ini, kita menyambut ulang tahun yang ke-31 sejak pelancaran Bulan Bahasa yang pertama. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura, yang diterajui oleh Prof Madya Faishal Ibrahim, dan Jawatankuasa Bulan Bahasa, yang diterajui oleh Puan Rahayu Mahzam, atas segala usaha untuk

**STRICTLY EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

melestarikan bahasa Melayu di kalangan generasi muda kita yang menggunakan dua bahasa. Tidak syak lagi mereka akan mendapat manfaat daripada usaha anda.

10. Tentunya, Bulan Bahasa akan terus memainkan peranan penting dalam pembentukan dan perkembangan bahasa Melayu di Singapura. Sebagai peneraju perkembangan bahasa dan persuratan Melayu di Singapura, MBMS juga mendukung pelbagai lagi kegiatan utama, termasuk Anugerah Guru Arif Budiman and Anugerah Persuratan. Saya ingin merakam puji-pujian kepada anggota MBMS atas usaha, dedikasi, cinta dan minat mereka untuk menghidupkan bahasa Melayu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para Duta Bahasa dan Rakan Bahasa kita yang telah memperjuangkan bahasa Melayu.

11. Penglibatan MBMS dalam perkembangan bahasa dan kesusasteraan di rantau ini, seperti kegiatan-kegiatan anjuran Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia (Mabbim) dan Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera), juga mencerminkan betapa luasnya peranan MBMS.

12. MBMS telah menyertai Persidangan MABBIM sejak 1985, dan berkongsi pandangan mengenai perkembangan bahasa Melayu di Singapura dan rantau ini. Di persidangan tahun ini, MBMS diwakili Encik Farizan M Amin dan Encik Daud Yusof. Encik Farizan telah membentangkan usaha menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di Singapura, termasuk usaha-usaha MBMS dan tema tahun ini, iaitu ‘Cita. Cintra. Cinta. Bahasa Kita’. Encik Farizan menekankan bahawa untuk memastikan agar bahasa Melayu berkembang dan kekal relevan di rantau ini, ia mesti disesuaikan dan terus dituturkan.

13. Tahun ini, Singapura akan menjadi tuan rumah Mastera buat kali kedua, dan ini membuktikan bahawa peranan Singapura adalah penting dalam perkembangan kesusasteraan di rantau Asia Tenggara ini.

14. Nenek-moyang dan pelopor-pelopor bahasa kita telah berusaha dengan gigih untuk melestarikan bahasa dan budaya kita. Oleh itu, kita mempunyai tanggungjawab

**STRICTLY EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

untuk memastikan bahawa ianya terus digunakan oleh generasi akan datang agar mereka meraih manfaat daripadanya.

15. Tanggungjawab menggalakkan penggunaan bahasa Melayu tidak terbatas kepada Bulan Bahasa sahaja. Bahasa Melayu milik kita semua, lantas kita mesti mempunyai rasa tanggungjawab yang kuat untuk melestarikan dan menggalakkan penggunaannya. Bahasa akan sentiasa menjadi aspek penting yang mencerminkan budaya dan identiti kita sebagai orang Melayu di Singapura.

16. Marilah kita teruskan usaha murni ini untuk mengekalkan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu supaya generasi akan datang dapat mewarisi budaya kita yang kaya ini.

17. Akhir kata daripada saya:

*Cincin perak gelang suasa,  
Pakai baju kebaya jingga;  
Ayuhlah semarak Bulan Bahasa,  
Bahasa Melayu Bahasa Kita.*

18. Terima kasih.

\*\*\*\*\*

**STRICTLY EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

**SPEECH BY PRESIDENT HALIMAH YACOB AT THE LAUNCH OF BULAN BAHASA 2019 ON SATURDAY, 7 SEPTEMBER 2019, 3.00PM AT THE ASIAN CIVILISATIONS MUSEUM**

---

Associate Professor Dr Muhammad Faishal Ibrahim

Chairman of Malay Language Council, Singapore

Mdm Rahayu Mahzam

Chairman of Bulan Bahasa 2019 Committee

Ladies and Gentlemen

Good afternoon.

1. *Salam sejahtera kepada semua,*

*Saya ucapkan membuka bicara,*

*Izinkan saya bersepatah dua,*

*Semoga majlis indah ceria.*

2. Firstly, I would like to thank Sriwana, Sanggar Seni Muda and Permaisuara for the colourful welcome performances.

3. It gives me great pleasure to join you today at the Launch of Bulan Bahasa 2019, a much anticipated annual highlight and celebration for the Malay community, as we also commemorate Singapore's Bicentennial this year.

4. This island, then known as Temasek, was already a bustling port 700 years ago, in the 13<sup>th</sup> century. The island's strategic geographical location within the Nusantara (Malay Archipelago) made it both a crossroads and a centre, allowing it to thrive as an early emporium in the region and an important British crown colony.

5. The Malay language has been the lingua franca for a long time in Temasek and our surrounding region. Our language was already spoken by our forefathers as far back to the 7<sup>th</sup> century. It has evolved from bahasa Melayu Kuno (Old Malay), to bahasa Melayu Klasik (Classic Malay), and now, bahasa Melayu Moden (Modern

**STRICTLY EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

Malay). It was a language of kinship, trade, political diplomacy, religion, and intellectual and literary development in the region.

6. Throughout history and the region's developments, the Malay language remained dynamic and continued to be enriched by influences from both local languages, such as those from the Nusantara like Javanese and Bugis, and languages from afar, such as Tamil, Chinese, Persian, Arabic, and the European languages. A language that evolves and survives the continuum of time reflects its constant revitalisation, as it assimilates the different linguistic influences. This constant assimilation in the Malay language is also reflected in its written script, which has evolved from the Indic script, to the Arabic script, and now, into the Roman script.

7. A language cannot be diverse, if the people are not diverse and adaptable. Through the years, the Malay language has been kept alive and relevant because its users have remained innovative, as it expanded and embraced different vocabulary and expressions from various languages, contexts and cultures.

8. Today, we inherit a dynamic, resilient, graceful and beautiful language that thrives in Singapore's modern and multicultural fabric as our national language. Speaking and using the language enables us to understand our rich past, and anchor our cultural identity and sense of belonging deep to our community. We continue to earn social capital as we use the Malay language to form meaningful relationships and widen our networks in different communities in the region. And as we continue to use Malay, we, too, are allowing the power of the language to shape our realities and our lives. I work closely with our community, and I value the instant connections and bonds we form when we speak the same language.

9. Today, we celebrate 31 years since Bulan Bahasa was first organised in 1988. I would like to commend Majlis Bahasa Melayu Singapura, or MBMS, headed by Assoc. Prof Faishal Ibrahim, and the Bulan Bahasa Committee, led by Mdm Rahayu Mahzam, for the tremendous effort put together to promote the Malay language to our younger, bilingual generation, who will undoubtedly benefit from the work you do.

**STRICTLY EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

10. Indeed, Bulan Bahasa remains a microcosm of the wider language landscape in Singapore. MBMS helms many other signature initiatives to support language and literary developments, including the Anugerah Guru Arif Budiman and Anugerah Persuratan. I would like to commend the MBMS members for their dedication and their passionate efforts in driving Malay language and literary initiatives in Singapore, and all the Duta Bahasa and Rakan Bahasa who champion our Malay language.

11. MBMS also plays an active role in the regional development of language and literature through its work with the Malay Language Councils of Brunei, Indonesia and Malaysia (Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia or MABBIM) and the Literature Councils of Southeast Asia (Majlis Sastera Asia Tenggara or MASTERA).

12. MBMS has taken part in MABBIM Conferences since 1985, and shared views on the development of Malay language in Singapore and the region. Mr Farizan M Amin and Mr Daud Yusof represented at this year's MABBIM Conference. There, Mr Farizan presented on Singapore's Malay language promotion efforts, including Bulan Bahasa and this year's theme, 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.'. He emphasised that for the Malay language to continue to evolve and remain relevant in the region, it must continue to adapt and be spoken.

13. Singapore hosts MASTERA for the second time in this year, and this underscores Singapore's role in the development of Malay literature in the region.

14. Our forefathers and other language pioneers have invested much to keep our Malay language and culture intact for us. The responsibility now rests on our shoulders to ensure that our language remains alive and relatable to the next generations, so that they may benefit as richly as we did, in our way with words.

15. The task of promoting Malay language is not only confined to Bulan Bahasa. The Malay language belongs to our community, and so we must continuously take ownership in preserving and encouraging its use. It is, and will always be, an integral aspect to our culture and identity as Malays in Singapore.

**STRICTLY EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY  
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

16. Let us continue the effort to preserve and promote the use of the Malay language together so as to ensure that future generations remain heirs to our rich heritage and culture.

17. *Cincin perak gelang suasa,  
Pakai baju kebaya jingga;  
Ayuhlah semarak Bulan Bahasa,  
Bahasa Melayu Bahasa Kita.*

18. Thank you.

\*\*\*\*\*